


**SYARAT-SYARAT BAGI LESEN KATEGORI PENYIMPAN (S)**

SYARAT-SYARAT		JENIS DOKUMEN PERNIAGAAN ASAL YANG PERLU DITUNJUKKAN
UMUM	KHUSUS	
<p><b>A. Jenis Bangunan Premis</b></p> <p>i. Hanya beroperasi di premis perniagaan/bangunan industri/ pengecualian bagi tanah lot; dengan syarat stor diasingkan dengan rumah (melebihi 20 kaki).</p> <p>ii. Mempunyai papan tanda nama perniagaan/syarikat sekurang-kurangnya di dalam premis</p> <p>iii. Hanya dilesenkan di tingkat bawah sahaja.</p> <p>iv. Jarak premis dengan rumah/kedai makan/klinik/ dicadangkan selang satu atau dua pintu (melebihi 20 kaki).</p> <p><b>B. Lesen PBT (sementara)</b></p> <p>i. Permohonan boleh di proses seperti biasa dan sekiranya PBT tidak menyambung lesen tersebut, pegawai pelesen boleh membatalkan lesen tersebut.</p>	<p>a. Menyediakan papantanda "<b>AWASI STOR RACUN MAKHLUK PEROSAK - DILARANG MAKAN, MINUM DAN MEROKOK</b>" serta piktogram (simbol) tengkorak tulang bersilang dipamer dengan jelas di setiap pintu stor.</p> <div data-bbox="596 376 1070 504" style="border: 2px solid red; padding: 5px; text-align: center;">  <p><b>AWASI! STOR RACUN MAKHLUK PEROSAK DILARANG MAKAN, MINUM DAN MEROKOK</b></p> </div> <p><b>Spesifikasi Papan Tanda:</b></p> <p>i. Berukuran minimum 50.8 cm panjang x 20.3 cm</p> <p>ii. Saiz ukuran blok huruf adalah minimum 3cm</p> <p>iii. Saiz ukuran minimum piktogram tengkorak dengan tulang bersilang 7.6cm x 6.4cm</p> <p>iv. Ditaip dengan huruf besar dan menggunakan font berwarna merah</p> <p>v. Menggunakan jenis font yang mudah dibaca seperti Arial dan Times New Roman</p> <p>vi. Dicetak atau blok tulisan dilekatkan diperspektif berwarna putih/acrylic</p> <p>vii. Menggunakan garisan merah sebagai border.</p> <p>viii. Penggunaan pelekat (sticker) tidak dibenarkan</p> <p>b. RMP dipamer dan/-atau disimpan hendaklah diletakkan mengikut pelan lakar (Borang LRMP-L2) yang diluluskan.</p> <p>c. Stor RMP hendaklah sentiasa berkunci.</p> <p>d. Stor RMP tidak mengandungi barang lain.</p> <p>e. Lantai premis diperbuat daripada simen konkrit yang tidak mudah meresap dan retak.</p> <p>f. Premis mempunyai alat pemadam api yang diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan sah tempoh.</p> <p>g. Premis menyediakan kemudahan asas rawatan tumpahan RMP seperti baldi berisi pasir dan pencedok.</p> <p>h. Premis mempunyai pengudaraan yang sempurna. Jika tidak kipas ekzos diperlukan.</p> <p>i. Premis mempunyai cahaya lampu elektrik yang terang.</p> <p>j. Premis mempunyai bekalan air bersih.</p> <p>k. Menyediakan ruang bekerja dan tempat simpanan rekod bagi memastikan semua dokumen perniagaan yang berkaitan dengan RMP disimpan dan dikemukakan apabila dikehendaki.</p>	<p>a. Lesen Perniagaan SSM.</p> <p>b. Lesen PBT/Majlis.</p> <p>c. Perjanjian Sewaan Sekiranya Premis Bukan Hakmilik.</p>